

The Roles and Challenges for Psychological Services in Malaysia's Public Service Human Resource Management

Tan Sri Ismail Adam

*Director General of Public Service Malaysia
Public Service Department Malaysia*

Perkhidmatan psikologi dan kaunseling dalam perkhidmatan awam merupakan salah satu cara untuk menyediakan perkhidmatan awam yang berkualiti, efisien dan memuaskan hati pelanggan. Bidang pengurusan dalam perkhidmatan awam yang melibatkan unsur psikologi dan kaunseling ialah pengurusan sumber manusia, pengurusan komunikasi dan tingkah laku pekerja, pengurusan kerjaya, pengurusan prestasi, penilaian kompetensi, pembangunan diri dan persaraan kerja. Aplikasi psikologi dalam pengurusan sumber manusia sektor awam menekankan kepada empat aspek iaitu penilaian, pembangunan, intervensi dan penyelidikan. Keempat-empat aspek ini melibatkan aplikasi psikologi sejak dari proses pemilihan hinggalah persaraan. Adalah diharapkan melalui aplikasi psikologi ini, modal insan yang berkualiti dapat dilahirkan. Untuk menjalankan peranan kaunselor di era 'K-economy based' ini, kaunselor harus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menjadi kaunselor yang bertaraf 'K-worker'.